

# PM: Tambah nilai untuk maju

UM - 10/11/2006

Oleh YULPISMAN ASLI

**SUBANG JAYA** 9 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, Malaysia tidak mempunyai pilihan jika hendak maju dan bersaing dengan negara lain selain menambah nilai kepada semua aspek yang ada bagi meningkatkan modal insannya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sememangnya berhasrat untuk menjayakan pembangunan modal insan yang merupakan elemen penting bagi menjadikan negara berdaya saing.

"Ini bermakna, untuk tempoh 50 tahun akan datang, kita mahu kepada modal insan ini ditokok tambah nilainya. Ini adalah penting kerana kita mahu bersaing dengan negara-negara lain.

"Jika persaingan itu tidak boleh kita elakkan, maka kita perlu hadapi, perlu bersaing dan perlu menang," katanya ketika berucap pada majlis makan malam sempena sambutan 50 tahun Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini, malam ini.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin, Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya rakyat Malaysia mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk bersaing dan mencapai kejayaan.

Ini mengambil kira kejayaan graduan UiTM yang kini berkhidmat dalam pelbagai bidang termasuk profesional di sektor swasta dan awam.

Beliau juga berbangga dengan kejayaan

UiTM bermula daripada sebuah institusi kecil dan kini muncul sebagai antara pusat pengajian tinggi terpenting di negara ini.

Perdana Menteri yang turut menerima 'kad laporan' simbolik pencapaian UiTM melahirkan keyakinan bahawa institusi terbabit mampu terus mengecapi kejayaan pada masa hadapan khususnya dalam melahirkan golongan cerdik pandai dan pro-

fesional Melayu.

Dalam pada itu, UiTM menyampaikan anugerah khas 'Tokoh Pembela Bangsa' kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, bapa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib, di atas peranannya dalam membangunkan bangsa Melayu.

Anugerah itu telah disampaikan oleh Tuanku Syed Sirajuddin kepada Toh Puan Rahah Mohd. Noah.

Pada majlis itu juga, baginda berkenan melancarkan Aspirasi Global UiTM untuk menjadi universiti bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Tuanku Syed Sirajuddin turut menerima sumbangan cek untuk dana Kursi UEM bernilai RM1 juta. Ia sebahagian daripada kutipan sumbangan berjumlah kira-kira RM1.5 juta yang berjaya dikumpul pada majlis makan malam tersebut.